

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah lesen syarikat jualan langsung dan skim piramid (MLM) yang telah dibatalkan serta senaraikan nama syarikat yang disenaraihitamkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 34 syarikat jualan langsung telah dibatalkan lesen kerana terbabit dengan aktiviti yang menyalahi Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (AJLSAP 1993) dan syarat-syarat lesen.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tiada tindakan senarai hitam dikenakan kepada syarikat-syarikat jualan langsung selaras dengan Seksyen 8 (1) AJLSAP 1993 yang menyatakan bahawa "*Pengawal boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 jika pemegang lesen telah gagal mematuhi apa-apa obligasi dan melanggar apa-apa syarat yang dikenakan di bawah lesen itu*".